

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HIA 101 Pengantar Islam

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Huraikan konsep Islam sebagai al-Din daripada aspek-aspek berikut:
  - [a] Hubungan Islam dengan kebudayaan.
  - [b] Kekeliruan yang sering timbul khususnya di kalangan orang-orang Melayu tentang "agama" Islam.
  - [c] Ciri-ciri agama Wahyu dan agama Budaya.
  
2. Sunnah Nabawiyyah merupakan salah satu daripada dua sumber utama bagi agama Islam. Jawab soalan-soalan berikut:
  - [a] Berikan definisi Sunnah dan definsi Hadith Sahih.
  - [b] Bincangkan secara kritis tentang usaha-usaha yang dilakukan oleh para 'ulama untuk memelihara kesahihan hadith.
  - [c] Jelaskan tentang kedudukan Sunnah dalam perundangan Islam.
  
3. Bincangkan secara ilmiah perkara-perkara yang berkaitan dengan kerasulan daripada aspek-aspek berikut:
  - [a] Hakikat kerasulan dan kenabian.

.../2

- [b] Keperluan manusia kepada pengutusan rasul.
- [c] Kesejagatan risalah (kerasulan) Nabi Muhammad s.'a.w.

4. Berdasarkan kepada apa yang anda fahami tentang konsep 'ibadah dari perspektif Islam, huraikan dengan jelas dan lengkap perkara-perkara berikut:

- [a] Definisi 'ibadah menurut pandangan 'ulama-'ulama mu'tabar.
- [b] Maksud 'ubudiyyah takwiniyyah dan 'ubudiyyah ikhtiyariyyah serta hubungan keduanya dengan sikap dan tindak tanduk manusia.
- [c] Skop 'ibadah dalam Islam.

5. Firman Allah s.w.t. bermaksud:

"Dan antara tanda-tanda (kekuasaan)-Nya, Dia menciptakan untuk kamu pasangan-pasangan daripada jenis kamu sendiri supaya kamu merasai tenteram kepadanya dan dijadikan-Nya antara kamu kasih sayang dan kasihan belas..."

(Al-Qur'an, surat al-Rum: 21)

Berdasarkan kepada maksud ayat al-Qur'an di atas, berikan analisis anda terhadap perkara-perkara berikut:

- [a] Institusi kekeluargaan sebagai tempat tinggal yang tabi'i bagi sepasang insan.
- [b] Unsur-unsur yang diperlukan bagi menjamin kelangsungan suasana harmonis dalam hubungan suami-isteri.
- [c] Fungsi suami yang salih dan isteri yang salihah dalam sebuah keluarga Islam.

-ooo000ooo-